

# SIARAN MEDIA

---

## MAJLIS SAMBUTAN HARI HABITAT SEDUNIA PERINGKAT MALAYSIA TAHUN 2019

---

**MELAKA, 3 NOVEMBER 2019** – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) selaku agensi peneraju bagi program-program United Nations Human Settlements Programme (UN-Habitat) di Malaysia telah menganjurkan Majlis Pelancaran Sambutan Hari Habitat Sedunia Peringkat Malaysia Tahun 2019 dengan kerjasama Kerajaan Negeri Melaka. Tema bagi sambutan Hari Habitat Sedunia pada tahun ini adalah "Transforming Waste to Wealth". Acara ini dengan meriahnya diadakan bersekaligus dengan Majlis Pelancaran Dasar Kebersihan Negara, Majlis Pelancaran Hari Kitar Semula Kebangsaan 2019 dan Majlis Perasmian Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti Program Perumahan Rakyat (PPR) Tehel, Bemban, Jasin, Melaka. Majlis yang telah diadakan di PPR Tehel, Melaka ini telah dirasmikan oleh YAB Tuan Haji Adly bin Zahari, Ketua Menteri Melaka bersama-sama YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Objektif utama Sambutan Hari Habitat Sedunia adalah untuk membangkitkan kesedaran kepada semua masyarakat berkenaan pentingnya tempat tinggal yang selesa, persekitaran yang permai dan bandar yang selamat.

Antara Program dan Aktiviti menarik yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersempena Hari Habitat Sedunia Peringkat Malaysia 2019 adalah seperti:

- i. Pertandingan Photojournalism;
- ii. Pertandingan Pidato;
- iii. Pertandingan Video Pendek;
- iv. Habitat Awareness; dan
- v. Anugerah National Scroll of Honour for Human Settlements

Menyedari hakikat peningkatan penjana sisa dalam kalangan rakyat Malaysia, KPKT mengambil inisiatif dengan menggubal Dasar Kebersihan Negara bagi mewujudkan sebuah negara yang bersih, mampan dan sejahtera melalui pembudayaan amalan kebersihan diri, keluarga, komuniti dan masyarakat di samping dalam usaha melestarikan alam sekitar.

Program ini dianjurkan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat bahawa tanggungjawab menjaga kebersihan bukan hanya terletak pada kerajaan, malah semua lapisan masyarakat turut bertanggungjawab dan perlu bersama-sama menjaga kebersihan terutamanya di kawasan kediaman dan persekitaran.

Di samping itu, sambutan Hari Kitar Semula Kebangsaan atau ringkasnya HKSK yang disambut setiap tahun turut merupakan usaha Kerajaan dalam mempromosikan amalan 3R iaitu Reduce, Reuse dan Recycle ke arah meningkatkan kadar kitar semula negara. Pelbagai program telah dilaksanakan sempena HKSK 2019 oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara atau SWCorp, iaitu agensi di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Program dan aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti;

- i. Pertandingan Kitar Semula Sekolah-Sekolah Peringkat Kebangsaan (PerKISS 2019);
- ii. Pertandingan Waste To Art 2019; dan
- iii. Anugerah Appreciation of Best Practices on Solid Waste Management 2019.

Selain daripada itu, dalam usaha untuk mendidik masyarakat ke arah pembangunan komuniti setempat yang lebih harmoni, KPKT telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan Sekretariat Muafakat Komuniti Program Perumahan Rakyat (PPR), Tehel, Melaka.

Sekretariat ini dilantik dari kalangan pegawai-pegawai KPKT dan berperanan untuk membantu penduduk-penduduk di PPR Tehel agar mempelbagaikan aktiviti kemasyarakatan, menjaga kebersihan tempat tinggal, menjana pendapatan melalui program dan aktiviti yang dirancang secara bersama serta memperkasakan komuniti penduduk setempat.